

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VIII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

1. Terangkan secara terperinci tentang impak pandemik wabak COVID-19 terhadap ekonomi negeri.
  - (a) Senaraikan anggaran kerugian yang dialami mengikut sektor-sektor seperti pembuatan, pelancongan, perkhidmatan dan sebagainya.
  - (b) Nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam Penang Lawan COVID-19 serta pakej-pakej rangsangan yang diperkenalkan.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi Laporan Tahunan 2019 yang dikeluarkan pada 3 April 2020 telah membuat unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara yang rendah di antara -2.0 % dan 0.5% berikutan gangguan bekalan, permintaan dan perdagangan di peringkat global yang terganggu akibat daripada wabak COVID-19.

Bagi Negeri Pulau Pinang, Penang Institute menjangkakan sektor perkhidmatan mengalami kesan yang paling ketara memandangkan aktiviti-aktiviti perkhidmatan penginapan, industri makanan dan minuman, pengangkutan serta peruncitan dan perdagangan mengalami pergerakan yang perlahan akibat wabak COVID-19. Sektor pembinaan juga dijangka mengalami pertumbuhan perlahan akibat kemelesetan ekonomi secara am. Bagi sektor pembuatan pula dijangka akan bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan dan melibatkan syarikat-syarikat yang menghasilkan peralatan perubatan serta komponen-komponen berkaitan. Sebaliknya, sektor pertanian dijangka akan mengalami

pertumbuhan yang stabil berikutan peningkatan dalam permintaan tempatan.

- (a) Buat masa ini, kerugian yang dialami oleh sektor-sektor ekonomi seperti pembuatan, pelancongan, perkhidmatan dan lain-lain tidak diperolehi memandangkan belum ada kajian atau bancian menyeluruh yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan berkenaan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, MITI, BNM dan juga Penang Institute.
- (b) Dalam Program Penang Lawan COVID-19, Kerajaan Negeri telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang berjumlah RM75 juta sebagai pakej rangsangan ekonomi dan membantu rakyat Pulau Pinang yang terkesan dengan pandemik COVID-19. Objektif utama Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang adalah:
  - (i) Memberikan bantuan segera kepada golongan yang paling terkesan (*most vulnerable group*), iaitu penjaja, peniaga kecil, pemandu teksi, penarik beca, pemandu *e-hailing*, OKU dan kumpulan B40;
  - (ii) Mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula dan meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti; dan
  - (iii) Membolehkan kelangsungan perniagaan atau *business continuity* di Negeri Pulau Pinang bagi memastikan ekonomi negeri akan terus dibangunkan pasca 31 Mac 2020.

Perincian pakej bantuan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan *one-off* RM500 kepada peniaga kecil dan penjaja berlesen (RM7 juta);
- (ii) Bantuan *one-off* RM500 kepada pemandu pelancong (RM685,000.00);
- (iii) Bantuan *one-off* RM500 kepada penerima bantuan JKM termasuk AES (RM9.33 juta);

- (iv) Pemberian insentif RM500 kepada pemandu teksi dan penarik beca (RM1,283,000.00);
- (v) Bantuan *one-off* RM300 kepada pemandu *e-Hailing* (RM3 juta);
- (vi) Pengecualian 2 bulan sewaan bagi Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) kelolaan Kerajaan Negeri (RM932,844.00);
- (vii) Pengecualian 1 bulan sewaan di premis perniagaan milik Kerajaan Negeri dan PBT (RM1.61 juta);
- (viii) Bantuan zakat kepada golongan asnaf (RM3 juta);
- (ix) Bantuan *one-off* RM1,000 kepada masjid dan RM500 kepada surau (RM495,000.00);
- (x) Bantuan *one-off* RM500 kepada pesakit yang disahkan positif COVID-19 dan RM1,000 kepada waris pesakit COVID-19 yang telah meninggal dunia (RM300,000.00);
- (xi) Insentif khas RM300 kepada *frontliners* PBT (RM1.4 juta);
- (xii) Insentif khas RM300 kepada *frontliners* jabatan/agensi Persekutuan (RM3.3 juta);
- (xiii) Peruntukan khas untuk perolehan peralatan keselamatan diri (RM10 juta);
- (xiv) Peruntukan khas RM30,000 bantuan kecemasan kepada semua ADUN (RM1.2 juta);
- (xv) Penangguhan bayaran kepada Kerajaan Negeri seperti cukai petak/cukai tanah, Skim Sewa Beli RSKN, Skim Pinjaman Harapan, Tabung Usahawan Tani dan Pinjaman Penuntut; dan
- (xvi) Pinjaman tanpa faedah menerusi Skim Peka PKS berjumlah RM30 juta yang diselaraskan oleh PDC dengan perincian berikut:

- Pinjaman sehingga RM50 ribu bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sektor pembuatan;
- Pinjaman sehingga RM20 ribu bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sektor lain;
- Tiada bayaran balik pada enam (6) bulan pertama, pembayaran balik bermula pada bulan ke-7 sehingga bulan ke-30;
- Pinjaman yang selesai dibayar balik pada bulan ke-18 atau sebelumnya akan diberikan rebat; dan
- Permohonan boleh dikemukakan kepada PDC mulai 8 April hingga 21 April 2020.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut bersetuju memberikan bantuan berupa 20,000 pak makanan kering kepada golongan yang memerlukan dengan peruntukan tambahan berjumlah RM1 juta.